

Melayu masih kurang dalam pelancongan

UM - 5/12/2006

Oleh SHAIFUL BAHRI SAIDIN

APABILA memperkatakan penyertaan bumiputera khususnya orang Melayu dalam perniagaan, rata-rata akan membanggakan ahli perniagaan orang Melayu terlibat dengan sektor pembinaan. Mudah kata, sebut sahaja orang Melayu berniaga, pastinya yang berlegar di fikiran ialah orang Melayu yang menjadi kontaktor bisnes.

Sebabnya sektor itulah yang asyik diperkatakan oleh semua orang. Apakah orang Melayu tidak berminat dengan sektor lain? Ataupun kerana menjadi kontraktor adalah cara mudah untuk mendapatkan perniagaan dan menjanjikan keuntungan yang lumayan dan segera?

Amat kurang bumiputera terlibat dengan sektor perkhidmatan dan peruncitan. Yang paling ketara ialah penglibatan orang Melayu di dalam industri pelancongan negara. Sedangkan industri ini memberikan pulangan perniagaan yang agak lumayan.

Kementerian Pelancongan seharusnya perlu menyediakan pelan yang lengkap dan menyeluruh dalam merangka strategi terbaik membantu usahawan bumiputera menceburi perniagaan berkaitan pelancongan di dalam menyasarkan tahap 30 peratus daripada keseluruhan nilai industri tersebut.

Berdasarkan maklumat dari Persatuan Syarikat Pengembaraan dan Pelancongan Bumiputera Malaysia (Bumitra Malaysia),

penglibatan bumiputera dalam industri pelancongan negara hanya 12.5 peratus, iaitu lebih rendah dari angka petunjuk rasmi negara 18.9 peratus ekuiti bumiputera dalam sektor ekonomi secara keseluruhan.

Sedangkan kerajaan menyasarkan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) industri pelancongan dijangka menjana pendapatan RM30 bilion. Jika tiada kesungguhan dari semua pihak, sampai bila pun bumiputera akan terus ketinggalan dalam industri pelancongan.

Sementara itu, perangkaan menunjukkan, Bumitra hanya mempunyai ahli seramai 140 syarikat sedangkan Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (Matta) mempunyai ahli seramai 2,028 syarikat. Walaupun Matta diiktiraf oleh kerajaan dan ahlinya meliputi hampir keseluruhan syarikat ejen pelancongan yang ada di negara ini, dan jika mengambil kira ahli Bumitra juga menjadi ahli Matta, syarikat pelancongan bumiputera hanya 6.9 peratus sahaja dari keseluruhan syarikat pelancongan yang berdaftar dengan Matta.

Ini belum lagi kita melihat berapa peratus penyertaan bumiputera dalam sektor lain di dalam industri ini seperti sewaan kereta, kargo, bas persiaran, bot dan kapal persiaran, hotel, ejen *inbound* dan *outbound*, resort dan ejen tiket penerbangan. Kesemua sektor ini termasuk syarikat pelancongan masih kurang disertai oleh bumiputera khususnya orang Melayu.

Begitu juga dengan pekerjaan pemandu pelancong yang masih kurang anak muda khususnya Melayu menceburi bidang ini. Sedangkan kerjaya ini sangat menarik dan menyeronokkan di samping upah yang lumayan.

Walaupun Majlis Pemandu-Pemandu Pelancong Malaysia (MPPPM) sering bekerjasama dengan institusi latihan pelancongan swasta dalam menarik minat orang ramai melibatkan diri dalam kerjaya yang menarik ini, namun peratusan bumiputera masih kurang.

Golongan belia, siswazah mengganggu dan ahli perniagaan bumiputera seharusnya mengambil peluang dan kemudahan yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan untuk menceburi industri ekonomi nombor tiga penting di negara kita.

Tabung Khas Pelancongan, Tabung Infrastruktur Pelancongan dan Insentif Industri Pelancongan adalah antara dana yang disediakan oleh Kementerian Pelancongan untuk menyuntik lebih ramai lagi pemain dalam industri ini.

Peniaga bumiputera seharusnya mempelbagaikan lagi cabang perniagaan mereka dengan menyahut seruan kerajaan untuk melihat lebih ramai lagi orang Melayu menceburi industri pelancongan.

Dalam pada itu, Gagasan Badan Ekonomi Melayu (Gabem) dan Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) harus melihat peluang yang sudah tersedia ada ini untuk dimanfaatkan dengan sepenuhnya agar lebih ramai orang Melayu menceburi

industri ini. Jangan asyik menitikberatkan industri pembinaan dan hanya membela kontraktor Melayu sahaja. Industri pelancongan juga dapat memberikan keuntungan yang baik jika diuruskan dengan betul dan berhemah.

Dua badan utama orang Melayu dalam perniagaan ini sepatutnya bekerjasama dengan lebih erat lagi dengan Kementerian Pelancongan di dalam membantu orang Melayu. Pelesenan pelancongan di Kementerian berkenaan masih lagi menunggu lebih ramai bumiputera untuk memohon lesen-lesen seperti lesen perniagaan pengendalian pelancongan dan agensi pelancongan, lesen bas persiaran dan kereta sewa pandu, lesen pemandu pelancong, lesen premis penginapan pelancong dan lesen institusi latihan pelancongan.

Selain daripada tujuan utama untuk menarik pelancong luar datang ke Malaysia dengan ditambah lagi dengan Tahun Melawat Malaysia (TMM) 2007, Kementerian Pelancongan dan agensi-agensinya seperti Pelancongan Malaysia dan Majlis Tindakan Pelancongan Negeri seharusnya mengadakan lebih banyak lagi seminar, persidangan dan bengkel untuk menarik lebih ramai lagi penglibatan bumiputera dalam industri pelancongan. Dengan adanya perhatian serius dan penglibatan badan lain seperti Bumitra, Gabem dan DPMM, nescaya industri ini akan memberi suatu kesedaran baharu kepada orang Melayu betapa pentingnya industri ini dalam ekonomi negara.